



PEAK PERFORMANCE




Institut Bertaraf MS ISO 9001:2008



Kandungan

Contents

Perutusan Pengerusi Lembaga Pengurusan ILKAP <i>Message from the Chairman of ILKAP's Board of Management</i>	4
Kata Pengantar Ketua Pengarah <i>Foreword by the Director General</i>	6
Visi dan Misi <i>Vision and Mission</i>	10
Piagam Pelanggan <i>Client's Charter</i>	11
Struktur Organisasi 2009 <i>Organisational Structure 2009</i>	12
Senarai Pegawai ILKAP <i>List of ILKAP's Officers</i>	13
Mesyuarat Lembaga Pengurusan ILKAP <i>ILKAP's Board of Management Meeting</i>	18
Bahagian Latihan <i>Training Division</i>	22
Lakaran kejayaan <i>Marks of Achievement</i>	26
Penyertaan Kursus <i>Course Participation</i>	28
Pembangunan Kurikulum <i>Curriculum Development</i>	29
Penceramah <i>Speakers</i>	32
Kursus Baru <i>New Courses</i>	35



Transformasi Latihan <i>Transformation in Training</i>	36
Kursus Menarik Anjuran ILKAP <i>Interesting Courses Organised by ILKAP</i>	38
Kursus Kerjasama <i>Collaboration Courses</i>	39
Program Kerjasama Teknikal Malaysia <i>Malaysian Technical Cooperation Programme (MTCP)</i>	40
Pembangunan Modal Insan <i>Human Capital Development</i>	41
<i>ILKAP Beyond Today</i>	42
Program Latihan Tahun 2009 <i>Training Programme for the Year 2009</i>	43
Bahagian Pengurusan <i>Management Division</i>	54
Bahagian Maklumat <i>Information Division</i>	60
Peristiwa Sepanjang Tahun <i>Events Throughout the Year</i>	66
Pertukaran Pegawai dan Kakitangan ILKAP <i>Transfer of ILKAP's Officers and Staff</i>	77
Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2008 <i>Excellent Service Award Recipients 2008</i>	81



Perutusan Pengerusi Lembaga Pengurusan ILKAP

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam 1Malaysia

Syukur ke hadrat Allah SWT atas kejayaan Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) menerbitkan Laporan Tahunan 2009. Laporan ini merupakan manifestasi pencapaian ILKAP sepanjang tahun 2009. Sebagai sebuah institut latihan undang-undang, ILKAP berperanan penting dalam merealisasikan aspirasi kerajaan untuk melatih penjawat awam yang terlibat dengan proses undang-undang supaya lebih cekap, berkesan dan responsif dalam penguatkuasaan, pendakwaan dan pentadbiran keadilan.

Menelusuri senario perundangan yang semakin kompleks, ILKAP hendaklah mempelopori pembaharuan dan transformasi dalam program latihannya melangkaui kehendak pelanggan. Latihan yang inovatif dan kreatif bukan sahaja akan menjamin *outcome* yang relevan bahkan mempertingkatkan keupayaan penjawat awam yang terlibat dalam proses keadilan untuk berfikir secara terbuka dan global.

Hasrat Lembaga Pengurusan ILKAP untuk melaksanakan Program Latihan Undang-Undang secara kerjasama dengan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) telah direalisasikan pada tahun 2009. ILKAP telah bekerjasama dengan Universiti Teknologi MARA (UiTM) dalam menjalankan Kursus *Executive Certificate* dan *Diploma in Enforcement Law* bertujuan untuk memperkasakan tahap profesionalisme pegawai penguat kuasa undang-undang.

Lembaga Pengurusan ILKAP turut menyarankan aspek pembentukan peribadi yang merangkumi nilai-nilai murni seperti integriti, empati dan keperibadian tinggi untuk diterapkan dalam program latihan ILKAP. Nilai-nilai sebegini amat mustahak untuk membina penjawat awam yang beretika tinggi. Secara langsung dan tidak langsung, ia menyokong salah satu Bidang Keberhasilan Utama Negara, iaitu memerangi rasuah.

Arus perubahan dalam isu-isu global berkaitan perdagangan antarabangsa dan *transnational crimes* seperti jenayah siber, pengubahan wang haram, pemerdagangan dan penyeludupan orang merupakan antara cabaran yang perlu dihadapi masa kini. Di samping itu, Mahkamah di Malaysia telah mengalami proses perubahan dengan pelaksanaan *New Commercial Courts*, *Case Management System* dan mediasi. Justeru, perubahan ini menuntut ILKAP untuk mengadakan program yang mampu menyediakan pegawai kehakiman dan perundangan dengan keperluan semasa serta trend masa hadapan.

Akhir kata, saya menyeru warga ILKAP agar sentiasa bersedia dalam menghadapi pelbagai perubahan masa hadapan dan berusaha dengan penuh komitmen dan dedikasi demi merealisasikan matlamat negara. Saya juga mengajak semua anggota Perkhidmatan Awam untuk menyerapkan mantera kepantasan bertindak menerusi perubahan pemikiran dan kaedah bekerja, seiring dengan pembangunan inovasi dan pembaharuan yang berterusan.

TAN SRI MOHD SIDEK BIN HASSAN
KETUA SETIAUSAHA NEGARA



Message from the Chairman of ILKAP's Board of Management

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam 1Malaysia

My gratitude to Allah the Almighty, for the successful publishing of the Annual Report 2009 by the Judicial and Legal Training Institute (ILKAP). The report is a manifestation of ILKAP's achievements throughout the year of 2009. As a legal training institute, ILKAP plays a pivotal role in realising the government's aspiration to train civil servants involved in the legal process to be more competent, effective and responsive in enforcement, prosecution and administration of justice.

In tandem with the legal scenario which is growing more complex, ILKAP must pave the way for reformation and transformation in its training programmes beyond its clients' expectations. Not only should it ensure the relevant outcome is achieved but innovative and creative training will also enhance the ability of public officials involved in the justice process to be receptive to changes and to think globally.

In 2009, the Board of Management's aim to implement ILKAP's Legal Training Programme in cooperation with a Public Institute of Higher Learning materialised when it collaborated with University of Technology, MARA (UiTM) to organise the Executive Certificate and Diploma in Law Enforcement Course. Its objective is to enhance professionalism among the law enforcement officers.

The Board of Management had also suggested that aspects on character building which comprise values such as integrity, empathy and excellent individual characteristics to be incorporated in ILKAP's training programmes. These values are essential in the development of highly ethical public servants. Indirectly or otherwise, they support one of the National Key Result Area (NKRA), which is fighting corruption.

Current global issues in international trade and transnational crimes such as cyber crimes, money laundering, human trafficking and smuggling are of global and domestic concerns. The courts in Malaysia are undergoing tremendous changes with the implementation of New Commercial Courts, Case Management System and Mediation. Consequently, these challenges demand that ILKAP organises programmes that will equip judicial, legal and enforcement officers with the necessary skills and knowledge to meet current needs and future trends.

Finally, I urge ILKAP officers to be prepared for future changes and challenges, and to work with full commitment and dedication to help realise the vision of the country. In this regard, members of the Public Service are urged to embrace the mantra on "speed in actions" through changing mindsets and working methods in line with the innovation culture and continuous reforms.

TAN SRI MOHD SIDEK BIN HASSAN
CHIEF SECRETARY TO THE GOVERNMENT



Kata Pengantar Ketua Pengarah ILKAP

Tahun 2009 terbukti sebagai tahun yang mencabar dan berperistiwa bagi Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP). Ia telah memulakan langkah transformasi di mana usaha dan aspirasi bersama ILKAP adalah untuk mencapai kecemerlangan.

ILKAP telah menyahut seruan kerajaan supaya menyemai budaya inovasi, kreatif dan peningkatan ilmu dalam sistem latihan dan pentadbirannya. Selepas menjalankan bengkel pada bulan April dan Julai, Pelan Strategik 2009 – 2014 dan Petunjuk Prestasi Utama telah dibentuk. Selain itu, satu sesi ceramah mengenai peralihan dari ISO 2001:2000 ke ISO 2001:2008 telah diadakan pada bulan November dan usaha ke arahnya telahpun bermula.

Pada bulan Julai ILKAP telah menghantar kertas penstrukturan semula kepada Jabatan Perkhidmatan Awam memohon perjawatan baru untuk menangani kekurangan pegawai dan kakitangan. 13 jawatan baru telah diwujudkan dan lapan (8) telahpun diisi.

Kerja untuk melengkapkan bangunan tambahan pertama ILKAP iaitu *ILKAP's Training and Information Technology Centre (ITITC)* dengan perabot telah dimulakan pada bulan September. Ia menempatkan antara lain satu (1) makmal komputer, satu (1) makmal multimedia dan satu (1) bilik sidang video. Dengan adanya kemudahan internet, komputer dan peralatan yang terkini, ia akan menambahkan kemudahan sedia ada ILKAP dan mengurangkan kesesakan di Bangunan Perdana.

Pada 16 April, kerja pembinaan telah dimulakan bagi sebuah lagi bangunan tambahan di kampus ILKAP, iaitu Asrama Eksekutif bagi peserta JUSA dan *Malaysian Technical Cooperation Programme (MTCP)*. Ia dijadualkan untuk siap pada 15 Oktober 2010.

Bagi fungsi terasnya, ILKAP telah berjaya menjalankan 150 kursus termasuk lapan (8) kursus *ad hoc*. Sebanyak 40 kursus telah dilaksanakan secara kerjasama dengan agensi kerajaan yang lain menjadikan jumlah keseluruhan 190 kursus dengan 5836 orang pegawai telah dilatih. Sebanyak lapan (8) Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Kursus telah diadakan untuk membentuk kurikulum kursus baru manakala satu (1) Mesyuarat Kajian Semula Kurikulum Kursus telah diadakan untuk mengkaji semula kurikulum *Human Trafficking Course*.

Pada 5 Mei 2009, ILKAP telah menandatangani satu (1) kontrak untuk membentuk hubungan strategik dengan Universiti Teknologi MARA (UiTM) bagi menjalankan dua (2) kursus. Ia adalah *Executive Diploma in Enforcement Law* dan *Executive Certificate in Enforcement Law* yang dijalankan untuk pekhidmat awam yang terlibat dalam proses penyiasatan dan penguatkuasaan. Inisiatif ini diharap akan diteruskan dan akan menjadi *signature course* ILKAP untuk manfaat penjawat awam yang tidak berkelayakan undang-undang.

Semasa Mesyuarat Lembaga Pengurusan pada bulan September, Ketua Setiausaha Negara YBhg. Tan Sri Mohd Sidek bin Hassan selaku Pengerusi Lembaga dengan persetujuan Ahli Lembaga telah menyarankan supaya ceramah mengenai pembentukan peribadi diterapkan ke dalam kursus ILKAP. Semenjak itu, ILKAP telah melaksanakan cadangan tersebut yang bukan sahaja meneguhkan komitmen ILKAP untuk meneruskan pendidikan undang-undang bahkan memenuhi hasrat kerajaan untuk menanam pembentukan peribadi dalam latihannya. Ahli Lembaga turut meluluskan langkah bersejarah ILKAP untuk membuka beberapa kursusnya kepada pihak swasta mulai dari tahun 2010.



Walaupun ILKAP telah menunjukkan pelbagai kemajuan dalam beberapa tahun kebelakangan ini, aspirasi untuk mentransformasikannya ke arah pusat kecemerlangan menuntut komitmen dan usaha jitu dari pihak pengurusan dan kakitangan ILKAP. Masih banyak yang perlu dilakukan untuk sampai ke kemuncak dalam program latihan. Penghargaan yang tidak terhingga kepada Cik Khadijah Mahmud yang telah merintis usaha ini dan di atas sumbangan yang bermakna untuk ILKAP dari September 2006 hingga Mac 2009 semasa beliau berkhidmat sebagai Ketua Pengarah.

Amanah merupakan elemen penting dalam hubungan kerja dan hubungan peribadi. Tom Peters dengan tepatnya menyatakan, *“The hyper fast-moving, wired up, reengineered, quality-obsessed organisation will succeed or fail on the strength of the trust that its managers place in the folks working on the front line.”*

Dalam pada ini, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada *stakeholders* ILKAP yang terdiri daripada Ahli Lembaga Pengurusan ILKAP, pengurusan kanan Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Peguam Negara dan Pejabat Ketua Pendaftar atas kepercayaan yang diberikan untuk mentadbir ILKAP. Saya juga ingin merakamkan penghargaan yang tulus ikhlas kepada pegawai dan kakitangan ILKAP atas kepercayaan yang diberikan untuk memimpin mereka secara berterusan mempamerkan kecemerlangan dan dedikasi yang tinggi terhadap transformasi, menyumbang bagi misi dan menuju ke arah visinya. Ia merupakan suatu kepuasan apabila pelanggan dan peserta kursus ILKAP memberi kepercayaan kepada kami melatih dan berkongsi pengalaman dengan mereka. Bagi mereka yang diamanahkan sebagai tenaga pengajar dan penceramah, ILKAP mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih.

ANNA NG FUI CHOO
KETUA PENGARAH
INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI MALAYSIA



Foreword by the Director General of ILKAP

2009 proved to be a challenging but eventful year for the Judicial and Legal Training Institute (ILKAP). It set the pace for transformation in which ILKAP's collective aspiration and quest is for excellence.

ILKAP responded to the government's call to be innovative, creative and knowledge-driven in both its administration and training. It put in place the Strategic Plan 2009 – 2014 and the Key Performance Indicators after conducting workshops in April and July. A talk on ILKAP's migration from ISO 2001:2000 to ISO 2001:2008 was delivered in November and work on it has commenced.

ILKAP submitted a reorganisation paper to the Public Service Department in July 2009 requesting for new posts to ease the acute shortage of officers and support staff. 13 new posts have been created and eight (8) have been filled.

Work to furnish ILKAP's first additional building i.e. ILKAP's Training and Information Technology Centre (ITITC) commenced in September. It houses among others, a computer laboratory, a multimedia laboratory and a Video Conferencing Room. With internet access, computers and up to date equipment, it will supplement ILKAP's existing facilities and ease the congestion in Bangunan Perdana.

On 16 April, construction work commenced on another supplementary building in ILKAP's campus, that is the Executive Hostel for JUSA and the Malaysian Technical Cooperation Programme (MTCP) participants. It is scheduled to be completed by 15 October 2010.

In its core business, ILKAP succeeded in running 150 courses including eight (8) ad hoc courses. 40 courses were carried out in collaboration with other government agencies totaling 190 courses with 5836 officers being trained. Eight Curriculum Committee meetings were conducted to draw up curriculum for new courses while one (1) Review of Curriculum meeting was held to review the curriculum for the Human Trafficking Course.

On 5 May 2009, ILKAP signed a contract to forge strategic alliance with MARA University of Technology (UiTM) to run two (2) courses. They were the Executive Diploma in Enforcement Law and the Executive Certificate in Enforcement Law conducted for civil servants involved in the investigation and enforcement process. It is hoped that this initiative will continue and will be a signature course of ILKAP for the benefit of non-legally qualified officers.

In the Board of Management meeting in September, the Chief Secretary to the Government YBhg. Tan Sri Mohd Sidek bin Hassan who is also the Chairman of ILKAP's of Management Board with the consensus of other Board members advocated that lectures on character building should be imbued in ILKAP's courses. Since then, ILKAP has embarked on it, reinforcing ILKAP's commitment in not only continuing legal education but meeting the government's call to instill character building into its training. The Board also approved ILKAP's historical venture to open up some of ILKAP's courses to the private sector in 2010.

Although ILKAP has made considerable progress in recent years, the aspiration of transforming it into a centre of excellence exacts total commitment and diligence on ILKAP's management and staff. Much more have to be executed to reach the pinnacle in training. Myriad thanks go to Miss Khadijah Mahmud who set the pace and for her fruitful contribution to ILKAP from September 2006 to March 2009 when she was the Director General.

Trust is an essential component for working and personal relationships. Tom Peters rightly said, "The hyper fast-moving, wired up, reengineered, quality-obsessed organisation will succeed or fail on the strength of the trust that its managers place in the folks working on the front line."



To this end, I express my greatest gratitude to ILKAP's stakeholders comprising of ILKAP's Board of Management, the senior management of the Prime Minister's Department, Attorney General's Chambers and the Chief Registrar's office for entrusting the running of ILKAP to me. My heartfelt appreciation goes to ILKAP's officers and staff for their trust to lead them by continuing displaying excellence with highest dedication leading to ILKAP's continuous transformation, contributing to achieving its mission and reaching for its vision. It has been rewarding that ILKAP's course participants and clients trust ILKAP to train and share experiences with them. To those whom ILKAP entrusted as lecturers and trainers, ILKAP extends its profound thanks and deepest appreciation.

*ANNA NG FUI CHOO
DIRECTOR GENERAL
JUDICIAL AND LEGAL TRAINING INSTITUTE
PRIME MINISTER'S DEPARTMENT
MALAYSIA*





Visi

Vision

Peneraju kecemerlangan pembangunan modal insan dalam bidang kehakiman dan perundangan yang bertaraf dunia menjelang 2015.

A world class leader of excellence in human capital development in the judicial and legal sectors by 2015.

Misi

Mission

Meningkatkan kompetensi, keberkesanan dan profesionalisme pegawai kehakiman, perundangan dan penguatkuasaan undang-undang dengan menyediakan latihan yang sistematik, relevan dan progresif.

To enhance the competency, effectiveness and professionalism of judicial, legal and law enforcement officers by providing systematic, relevant and progressive training.



Piagam Pelanggan

Client's Charter

Kami adalah komited untuk menyediakan program latihan yang berkualiti selaras dengan hala tuju ke arah peningkatan kecekapan, kecemerlangan dan profesionalisme pegawai-pegawai kehakiman dan perundangan serta pegawai-pegawai perkhidmatan awam, badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan yang terlibat dengan penguatkuasaan undang-undang.

Kami berjanji akan:

1. Merancang dan melaksanakan projek latihan yang berkualiti mengikut kurikulum yang ditetapkan;
2. Menjalankan tidak kurang dari 80% kursus yang dirancang setiap tahun;
3. Menyampaikan maklumat berkaitan dengan jadual program latihan tidak lewat dari sebulan sebelum latihan dilaksanakan;
4. Menyediakan tenaga pengajar yang berpengetahuan dan berkemahiran dalam bidang kursus yang akan dijalankan;
5. Menyediakan bahan rujukan yang komprehensif dan terkini;
6. Memastikan prasarana latihan dan semua keperluan peralatan latihan berfungsi dengan baik dan siap untuk digunakan sebelum kursus bermula dan pada setiap masa kursus berjalan;
7. Menyediakan persekitaran pembelajaran yang sesuai, selesa dan kondusif;
8. Memastikan tuntutan segala pembayaran dilaksanakan dalam tempoh 14 hari; dan
9. Memastikan bahawa semua pertanyaan dan aduan diberi maklum balas dalam tempoh 48 jam.


We are committed to provide quality training programmes in line with our objective to enhance efficiency, excellence and professionalism of officers of the judicial and legal service as well as officers in the public service, statutory bodies and local authorities who are involved in law enforcement.

We are committed to:

1. *Plan and implement quality training programmes according to a fixed curriculum;*
2. *Conduct not less than 80% of the scheduled courses every year;*
3. *Disseminate information in relation to the scheduled training programme not later than one month before training commences;*
4. *Provide lecturers with knowledge and expertise in the field the course is going to be conducted;*
5. *Provide comprehensive and latest reference materials;*
6. *Ensure that all training facilities and equipment are operational and ready to be used before and for the duration of the course;*
7. *Provide a suitable, comfortable and conducive learning environment;*
8. *Ensure all claims are settled within 14 days; and*
9. *Ensure that all inquiries and complaints are responded to within 48 hours.*

Struktur Organisasi

Organisational Structure





Senarai Pegawai ILKAP

List of ILKAP's Officers

1. Anna Ng Fui Choo

Ketua Pengarah (JUSA C)
Director General (JUSA C)

BAHAGIAN LATIHAN TRAINING DIVISION

PROGRAM PENGURUSAN TINGGI DAN PROFESIONAL SENIOR MANAGEMENT AND PROFESSIONAL PROGRAMME

2. Shamsudin bin Abdullah
3. Aslinda binti Ahad
4. Nurul Majdiah binti Mohamad Sayuti
5. Haslamizan bin Maliki

Pengarah (L54)
Director (L54)

Ketua Penolong Pengarah (L48)
Principal Assistant Director (L48)

Penolong Pengarah I (L41)
Assistant Director I (L41)

Penolong Pengarah II (L41)
Assistant Director II (L41)

PROGRAM PENDAKWAAN PROSECUTION PROGRAMME

6. Mariani binti Ghani
7. Siti Noor Alwani binti Hamid
8. Mohd Syahzan bin Rusni
9. Hafizah binti Abdul Hamid

Pengarah (L54)
Director (L54)

Ketua Penolong Pengarah (L48)
Principal Assistant Director (L48)

Penolong Pengarah I (L41)
Assistant Director I (L41)

Penolong Pengarah II (L41)
Assistant Director II (L41)

PROGRAM SIVIL CIVIL PROGRAMME

10. Mahyon binti Talib
11. Ida Adiba binti Md Razali
12. Muhammad Firdaus Zariza bin Abd Aziz

Pengarah (L54)
Director (L54)

Ketua Penolong Pengarah (L48)
Principal Assistant Director (L48)

Penolong Pengarah (L41)
Assistant Director (L41)



PROGRAM LITIGASI SIVIL
CIVIL LITIGATION PROGRAMME

13. Mohammad Nordin bin Ab. Rauf
14. Hasila binti Awang
15. Zulharry bin Abdul Rashid

Pengarah (L54)
Director (L54)

Ketua Penolong Pengarah (L48)
Principal Assistant Director (L48)

Penolong Pengarah (L41)
Assistant Director (L41)

PROGRAM BAHASA
LANGUAGE PROGRAMME

16. Mohan Veriah
17. Nurul Nadia binti Azman

Pengarah (M54)
Director (M54)

Penolong Pengarah (L41)
Assistant Director (L41)

UNIT PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN
RESEARCH AND DEVELOPMENT UNIT

18. Harith Sham bin Mohamed Yasin
19. Ahmad Hanir bin Hambaly @ Arwi
20. Sumayyah binti Fauzi

Ketua Penolong Pengarah I (L52)
Principal Assistant Director I (L52)

Ketua Penolong Pengarah II (L48)
Principal Assistant Director II (L48)

Penolong Pengarah (L41)
Assistant Director (L41)

PROGRAM INDUKSI
INDUCTION PROGRAMME

21. Norsiah binti Ujang
22. Nor Azian binti Mohd Zamri

Pengarah (L48)
Director (L48)

Penolong Pengarah (L41)
Assistant Director (L41)

BAHAGIAN PENGURUSAN
MANAGEMENT DIVISION

23. Haslinda binti Alias
24. Mohd Apanidi bin Aini

Pendaftar (M48)
Registrar (M48)

Timbalan Pendaftar I (M44)
Deputy Registrar I (M44)



25. Nor Hamirah binti Mahayudin

Timbalan Pendaftar II (M41)
Deputy Registrar II (M41)

BAHAGIAN MAKLUMAT
INFORMATION DIVISION

26. Saonah binti Shairi

Pengarah (S48)
Director (S48)

27. Fariz Rizal bin Rasdi

Pegawai Teknologi Maklumat (F44)
Information Technology Officer (F44)

28. Ratna Sariayu binti Osman

Pustakawan (S41)
Librarian (S41)



Pegawai dan Kakitangan ILKAP

Officers and Staff ILKAP









Mesyuarat Lembaga

Pengurusan

Board of Management Meeting

2009



Mesyuarat Lembaga Pengurusan ILKAP

ILKAP's Board of Management Meeting

Mesyuarat Lembaga Pengurusan ILKAP Tahun 2009 telah diadakan pada 11 September 2009 dan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara, YBhg. Tan Sri Mohd Sidek bin Hassan. Ia turut dihadiri oleh YBhg. Tan Sri Abdul Gani bin Patail (Peguam Negara), YBhg. Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz bin Wan Abdullah (Ketua Setiausaha Perbendaharaan), YBhg. Datuk Ab. Khalil bin Ab. Hamid (Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan), YBrs. Puan Hasnah binti Dato' Mohammed Hashim (Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan), YBhg. Dato' Abdullah Sani bin Ab. Hamid (Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri), YBhg. Dato' Zaitoon binti Dato' Othman (Peguam Bela dan Peguam Cara), YBrs. Prof. Madya Saudah binti Sulaiman (Dekan Fakulti Pentadbiran dan Undang-Undang UiTM) dan YBrs. Puan Anna Ng Fui Choo (Ketua Pengarah ILKAP).

Mesyuarat ini antara lain telah membincangkan Pencapaian Program Latihan pada Tahun 2008, Pencapaian Program Latihan mulai Januari hingga Ogos 2009, Laporan Rancangan Program Latihan Tahun 2010, Laporan Kemajuan Projek Pembangunan RMKe-9 ILKAP sehingga 30 Jun 2009, Laporan Peruntukan Belanja Mengurus 2009, Laporan Prestasi Belanja Mengurus 2009 dan Akaun Amanah ILKAP Tahun 2009, Laporan Permohonan Penstrukturan Semula ILKAP, Laporan Bahagian Maklumat

ILKAP's Board of Management Meeting 2009 was held on 11 September 2009 and chaired by the Chief Secretary to the Government, YBhg. Tan Sri Mohd Sidek bin Hassan. The meeting was also attended by YBhg. Tan Sri Abdul Gani bin Patail (Attorney General of Malaysia), YBhg. Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz bin Wan Abdullah (Secretary General of Treasury), YBhg. Datuk Ab. Khalil bin Ab. Hamid (Deputy Director General of Public Service (Development), YBrs. Puan Hasnah binti Dato' Mohammed Hashim (Chief Registrar of the Federal Court), YBhg. Dato' Abdullah Sani bin Ab. Hamid (Director General of Legal Affairs Division, Prime Minister's Department), YBhg. Dato' Zaitoon binti Dato' Othman (Advocate and Solicitor), YBrs. Associate Professor Saudah binti Sulaiman (Dean of Faculty of Law and Administration, UiTM) and YBrs. Puan Anna Ng Fui Choo (Director General of ILKAP).

Among matters discussed in the meeting included the Achievement of Training Programme Year 2008, Achievement of Training Programme from January to August 2009, Training Programme Planning for Year 2010, ILKAP's Development Project RMKe-9 Progress Report as at 30 June 2009, Management Expenditure Allocation 2009 Report, Performance Management Expenditure 2009 Report and ILKAP's Trust Account for Year 2009, ILKAP's Re-Organisation Report, Information





dan Kertas Cadangan untuk Membuka Penyertaan Kursus ILKAP kepada Pihak Swasta.

Dalam mesyuarat ini, YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha telah menyarankan agar ILKAP mengadakan kursus berkaitan integriti dan pembentukan peribadi. Kursus berkaitan integriti adalah penting bagi melahirkan pekhidmat awam yang mempunyai nilai dan etika yang tinggi dan berintegriti.

Selain itu, YBhg. Tan Sri turut mengesyorkan agar ILKAP mengadakan modul khas berkenaan pembentukan peribadi dalam kursus yang anjurannya. Modul yang melibatkan pembentukan peribadi ini wajar diadakan terutamanya kepada pegawai yang baru menyertai Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan. ILKAP juga disarankan untuk mengadakan kursus yang melibatkan pengurusan dan pentadbiran. Beliau juga telah meluluskan cadangan ILKAP untuk membuka penyertaan kursus kepada pihak swasta bagi tujuan perkongsian pengetahuan dan pengalaman.



Division Report and Proposal for Opening ILKAP's Course to the Private Sector.

In this meeting, YBhg. Tan Sri Chief Secretary to the Government proposed that ILKAP organises courses that relate to integrity and character building. Such courses are very important to enhance the moral values and integrity of public servants.

Besides that, YBhg. Tan Sri also suggested ILKAP designs a specific module regarding character building in the course that it organises. Such a module should be designed especially for the new judicial and legal officers who join the Judicial and Legal Service. ILKAP was also asked to conduct courses that relate to management and administration. He also approved ILKAP's proposal to open courses to the private sector for the purpose of knowledge and experience sharing.





Bahagian Latihan
Training Division





Bahagian Latihan *Training Division*

Bagi memperkasakan dan mempertingkatkan pembangunan modal insan, latihan merupakan elemen yang penting. ILKAP merupakan institut yang sinonim dengan latihan dalam bidang kehakiman dan perundangan. Sejak 16 tahun penubuhannya, Bahagian Latihan bertanggungjawab untuk merancang dan melaksanakan program latihan.

Enam (6) Program dan satu (1) Unit di bawah Bahagian Latihan merupakan tunjang dalam merealisasikan pelaksanaan bidang tugas utama ILKAP.


Kursus yang dijalankan adalah untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran serta kepakaran pegawai dan kakitangan awam yang terlibat dalam pentadbiran dan penguatkuasaan undang-undang.

Training is an essential element in upgrading and improving of human capital. ILKAP is synonymous in providing training in the judicial and legal field. In 16 years of its establishment, the Training Division is responsible for planning and conducting training programmes.

Six (6) Programmes and one (1) Unit under the Training Division are the pillars in realising the execution of ILKAP's core function.

Courses conducted were meant to enhance the knowledge, skills as well as expertise of public officers and staff who are involved in administration and enforcement of the law.







Lakaran Kejayaan Marks of Achievement

“Peak Performance” yang merupakan moto institusi ini menjadi pegangan Bahagian Latihan dalam melaksanakan aktiviti yang dirancang.

Sepanjang 2009, ILKAP telah menjalankan 150 kursus dan dari jumlah tersebut, 135 kursus merupakan kursus berjadual, lapan (8) kursus *ad hoc* dan tujuh (7) kursus dalaman untuk warga ILKAP. Selain itu, 40 kursus telah dijalankan secara kolaborasi dengan agensi dan jabatan kerajaan yang lain.

Tahun 2009 menyaksikan ILKAP telah menjalankan 98.6% daripada kursus yang dirancang. Pencapaian ini adalah selaras dengan piawaian kualiti yang ditetapkan MS ISO 9001:2000. Sebanyak dua (2) kursus iaitu Kursus Penilaian Pusat Kompetensi (PPK) Tahap Kecekapan (TK) 1 dan 2 dan Kursus Penilaian Pusat Kompetensi (PPK) Tahap Kecekapan (TK) 6 telah dibatalkan atas permintaan Unit Kompetensi, Jabatan Peguam Negara kerana kekurangan calon peserta.

“Peak Performance” which is the institution’s motto shall always be the principle of the Training Division in conducting all the activities that have been planned.


Throughout 2009, ILKAP conducted 150 courses and from this number, 135 were scheduled courses, eight (8) were ad hoc courses and seven (7) were internal courses for ILKAP’s staff. Apart from that, 40 courses were organised in collaboration with other government agencies and departments.

Year 2009 signifies ILKAP had successfully conducted 98.6% of the courses that were planned. This percentage is consistent with the quality standard set by MS ISO 9001:2000. Two (2) courses namely Competency Evaluation Centre Course Level 1 and 2 and Competency Evaluation Centre Course Level 6 were cancelled upon the request of the Competency Unit, Attorney General’s Chambers due to inadequate number of participants.





Jumlah Kursus Tahun 2009 *Number of Courses for the Year 2009*





Penyertaan Kursus Course Participation


Selaras dengan misinya, ILKAP memberi keutamaan kepada Pegawai Kehakiman dan Perundangan untuk menyertai kursus yang dianjurkan. Penyertaan kursus juga dibuka kepada pegawai dan kakitangan kementerian, jabatan kerajaan persekutuan dan negeri, badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan yang terlibat dengan proses undang-undang seperti Agensi Penguatkuasaan Maritim, Polis Diraja Malaysia, Bank Negara, Jabatan Imigresen, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Konsumer dan Kepenggunaan, Jabatan Alam Sekitar dan Kementerian Kesihatan.

ILKAP sebagai pemacu pelaksanaan kursus perundangan telah menjadi pilihan utama kepada peserta untuk mendapatkan latihan. Ini dimanifestasikan daripada lonjakan jumlah peserta dari setahun ke setahun.

In tandem with its mission, ILKAP trains essentially Judicial and Legal officers. Participation for the courses are also open to officers and staff from ministries, federal and state government departments, statutory bodies and local authorities like the Maritime Enforcement Agency, Royal Malaysian Police, Central Bank, Immigration Department, Malaysian Anti Corruption Commission, Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs, Department of Environment and Ministry of Health

ILKAP as the leader in legal training has become the main choice of participants for training. The manifestation of this is the increased number of participants from year to year.

Jumlah Peserta 2006 - 2009 Number of Participants 2006 - 2009



Tahun Year	Bilangan Peserta Number of Participants
2006	3548
2007	4824
2008	5003
2009	5837
Jumlah Total	19248



Pembangunan Kurikulum

Curriculum Development




Dua (2) jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Kurikulum Kursus (JKK) dan Jawatankuasa Kajian Semula Kurikulum (JKSK) bertanggungjawab bagi memastikan kursus yang dijalankan berkualiti dan relevan dengan perkembangan perundangan semasa.

JKKK berperanan untuk mengkaji dan merangka kurikulum serta mengenal pasti penceramah yang berkelayakan bagi kursus baru. Manakala JKSK bertanggungjawab untuk mengkaji semula mana-mana kurikulum sedia ada untuk penambahbaikan dengan mengambil kira semua maklum balas daripada peserta kursus dan perkembangan semasa.

Two (2) committees namely Course Curriculum Review Committee (JKKK) and Course Curriculum Review Committee (JKSK) are responsible in ensuring that all courses conducted are of high quality and relevant with current legal development.

The JKKK plays a role in revising and structuring the curriculum and identifying qualified lecturers for new courses. Meanwhile, the JKSK is responsible in revising any existing curriculum for improvement by taking into consideration all feedback from course participants and current development.



Pada tahun 2009, sebanyak satu (1) Mesyuarat JKKSK dan lapan (8) Mesyuarat JKKK telah diadakan.

In 2009, one (1) JKKSK Meeting and eight (8) JKKK Meetings were conducted.

Senarai Mesyuarat Kajian Semula Kurikulum Kursus *List of Reviewed Course Curriculum Meeting*

BIL. NO.	KURSUS COURSE
1	Human Trafficking Course <i>Human Trafficking Course</i>



Senarai Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Kursus *List of Course Curriculum Meetings*

BIL. NO.	KURSUS COURSE
1	Bengkel Pengurusan Kes Sivil <i>Workshop on Civil Case Management</i>
2	Kursus Khas Amanah Raya Berhad <i>Special Course for Amanah Raya Berhad</i>
3	Jurisprudence Course <i>Jurisprudence Course</i>
4	Public Talk : Law and Procedure Involving Personal Injuries and Fatal Accident Claims <i>Public Talk : Law and Procedure Involving Personal Injuries and Fatal Accident Claims</i>
5	Bengkel Penyediaan dan Penyampaian Penghujahan dalam Kes-kes Sivil <i>Workshop on Preparation and Submission in Civil Cases</i>
6	Course on Statutory Duties and Statutory Powers <i>Course on Statutory Duties and Statutory Powers</i>
7	Course on Prerogative Writs (Judicial Review) <i>Course on Prerogative Writs (Judicial Review)</i>
8	Effective Prosecution of Murder Cases Course <i>Effective Prosecution of Murder Cases Course</i>



Penceramah *Speakers*

Bagi memastikan *outcome* yang berkualiti dan memberi impak maksima kepada peningkatan pengetahuan dan kemahiran pelanggan, ILKAP amat menitikberatkan aspek pemilihan penceramah dalam setiap latihannya.

ILKAP telah menjemput penceramah yang mempunyai kepakaran tertentu seperti YA Hakim, pegawai dari Jabatan Peguam Negara dan Mahkamah, pegawai kanan polis, pegawai perubatan, ahli kimia, ahli akademik dan profesional.



To ensure an outcome that is of high quality and gives maximum impact to the enhancement of client's knowledge and skills, ILKAP is very particular in the aspect of selecting speakers in all of its training.

ILKAP has invited lecturers who possess a certain kind of expertise for example learned Judges, officers from the Attorney General's Chambers and courts, senior police officers, medical officers, chemists, academicians and professionals.





Penceramah Tempatan Local Lecturers

Kursus Course	Penceramah Speaker	Butiran Particulars
<i>Seminar on Judicial Review</i>	Y.A. Dato' Wira Low Hop Bing	Hakim Mahkamah Rayuan, Istana Kehakiman, Putrajaya
	Prof. Emeritus Datuk Dr. Shad Saleem Faruqi	Profesor di Fakulti Undang-Undang di Universiti Teknologi Mara (UiTM), Shah Alam, Selangor
	Prof. Dr. Gan Ching Chuan	Profesor di Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya, Kuala Lumpur
<i>Course on Effective Prosecution of Offences under the Dangerous Drugs Act 1952 [Act 234] and Dangerous Drugs (Forfeiture of Property) Act 1988 [Act 340]</i>	Y.A. Datuk Syed Ahmad Helmy bin Syed Ahmad	Hakim Mahkamah Tinggi, Shah Alam, Selangor
Kursus Prinsip-Prinsip Penghakiman (Principles of Sentencing)	YBhg. Dato' Shaik Daud bin Mohd Ismail	Bekas Hakim Mahkamah Rayuan Malaysia
Kursus Pengendalian Kes <i>Habeas Corpus</i>	YBhg. Dato' Abdul Kadir bin Sulaiman	Bekas Hakim Mahkamah Persekutuan
	Y.A. Tuan Haji Zainal Azman bin Abdul Aziz	Pesuruhjaya Kehakiman
<i>Public Talk - Law and Procedure Involving Personal Injury and Fatal Accident Claim</i>	Y.A. Tuan Mohamad Ariff bin Md. Yusof	<ul style="list-style-type: none"> • Pesuruhjaya Kehakiman, Bahagian Rayuan dan Kuasa-Kuasa Khas, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur • Lecturer in Law and Associate Professor and Deputy Dean, Law Faculty, University of Malaya (1974-1985)
Kursus Teknik Menulis Alasan Penghakiman	Y.A. Dato' Mary Lim Thiam Suan	Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur
Kursus Penghakiman Terus	Y.A. Tuan Harmindar Singh Dhaliwal	Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur
Kursus Teknik Menulis Alasan Penghakiman		
